



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 11

24hb Mei 2007

TAMBAHAN No. 53
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 193.

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG (PROSIDING
TATATERTIB) (RAYUAN) (PINDAAN) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 103F(1) Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Lembaga Tatatertib membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Rayuan) (Pindaan) 2007**.

Pindaan kaedah 3

2. Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Rayuan) 1994 [*P.U. (A) 190/1994*], yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 3—

(a) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Suatu rayuan di bawah subseksyen 103E(1) Akta hendaklah dibawa dengan memfailkan suatu usul pemula yang pada keseluruhannya mengikut Borang 9 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [*P.U. (A) 50/1980*].”;

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah (1) subkaedah yang berikut:

“(1A) Pihak yang merayu dikenali sebagai “perayu” dan pihak yang terhadapnya rayuan itu dibuat dikenali sebagai “responden”.”;

(c) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “notis rayuan” dengan perkataan “usul pemula”; dan

(d) dengan menggantikan subkaedah (3) dengan subkaedah yang berikut:

“(3) Suatu salinan usul pemula dan affidavit hendaklah dihantar melalui serahan ke diri, kurir atau pos berdaftar kepada responden, Pengarah dan Majlis Peguam dalam masa tujuh hari dari tarikh pemfailan usul pemula itu.”.

Pindaan kaedah 4

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 4 dengan kaedah yang berikut:

“Rekod Rayuan

4. (1) Dalam masa tujuh hari dari tarikh pemfailan usul pemula, perayu hendaklah membayar kepada Pengarah jumlah wang sebanyak lima ratus ringgit sebagai deposit bagi mendapatkan salinan dokumen yang disebut dalam subkaedah (4).

(2) Deposit yang disebut dalam subkaedah (1) tidak boleh dikembalikan.

(3) Subkaedah (1) tidak terpakai jika perayu ialah Majlis Peguam, mana-mana mahkamah termasuk Mahkamah Perusahaan dan Mahkamah Syariah, Hakim, Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret atau Peguam Negara.

(4) Dalam masa tiga minggu dari tarikh penerimaan deposit yang dibuat di bawah subkaedah (1), Pengarah hendaklah membekalkan perayu salinan terperaku dokumen yang berikut:

(a) permohonan atau aduan yang dibuat di bawah seksyen 99 Akta dan semua dokumen yang menyokong permohonan atau aduan itu;

(b) penjelasan bertulis yang dibuat di bawah subperenggan 100(1)(b)(ii) dan 103B(4)(b)(i) Akta;

(c) rekod prosiding di hadapan Jawatankuasa Tatatertib di bawah seksyen 103B Akta;

(d) laporan yang mengandungi dapatan dan syor Jawatankuasa Tatatertib di bawah seksyen 103c Akta; dan

(e) perintah yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib di bawah seksyen 103D Akta.

(5) Tiada dokumen akan dibekalkan jika perayu tidak membayar deposit yang disebut dalam subkaedah (1).”.

Pindaan kaedah 5

4. Kaedah 5 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “subkaedah 4(3)” dengan perkataan “subkaedah 4(4)”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “empat salinan rekod rayuan” dengan perkataan “suatu afidavit yang mengandungi rekod rayuan”; dan

(b) dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“(2) Suatu salinan afidavit yang mengandungi rekod rayuan hendaklah disampaikan melalui serahan ke diri, kurir atau pos berdaftar kepada responden, Pengarah dan Majlis Peguam.”.

Pindaan kaedah 6

5. Kaedah 6 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong subkaedah (3), (4) dan (5).

Pemotongan kaedah 7

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 7.

Pindaan kaedah 8

7. Kaedah 8 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “notis rayuan” dengan perkataan “usul pemula”;

(b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) tarikh keputusan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan”;

(c) dengan memotong perenggan (c), (d) dan (e).

Pindaan kaedah 11

8. Kaedah 11 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “subseksyen 103E(3)” dengan perkataan “subseksyen 103E(5)”;

- (b) dengan menggantikan perkataan “Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung 1980” dengan perkataan “Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*], Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 [*P.U. (A) 524/1994*] dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 [*P.U. (A) 376/1995*]”; dan
- (c) dalam nota birai, dengan memotong perkataan “*P.U. (A) 33/80.*”.

Dibuat 30 April 2007
[PN(PU²)314/IX]

TAN SRI DATO’ SERI KHALID AHMAD BIN SULAIMAN
Pengerusi
Lembaga Tatatertib

LEGAL PROFESSION ACT 1976

LEGAL PROFESSION (DISCIPLINARY PROCEEDINGS) (APPEALS) (AMENDMENT) RULES 2007

IN exercise of the powers conferred by subsection 103F(1) of the Legal Profession Act 1976 [*Act 166*], the Disciplinary Board makes the following rules:

Citation

1. These rules may be cited as the **Legal Profession (Disciplinary Proceedings) (Appeals) (Amendment) Rules 2007**.

Amendment of rule 3

2. The Legal Profession (Disciplinary Proceedings) (Appeals) Rules 1994 [*P.U. (A) 190/1994*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 3—

- (a) by substituting for subrule (1) the following subrule:

“(1) An appeal under section 103E(1) of the Act shall be brought by filing an originating motion substantially in Form 9 of the Rules of the High Court 1980 [*P.U. (A) 50/1980*].”;

- (b) by inserting after subrule (1) the following subrule:

“(1A) The party who appeals is known as “appellant” and the party against whom the appeal is made is known as “respondent”.”;

- (c) in subrule (2), by substituting for the words “notice of appeal” the words “originating motion”; and

- (d) by substituting for subrule (3) the following subrule:

“(3) A copy of the originating motion and affidavit shall be sent by personal service, courier or registered post to the respondent, the Director and the Bar Council within seven days from the date of the filing of the originating motion.”.

Amendment of rule 4

3. The principal Rules are amended by substituting for rule 4 the following rule:

“Record of Appeal

4. (1) Within seven days from the date of filing of originating motion, the appellant shall pay to the Director a sum of five hundred ringgit as the deposit for obtaining copy of documents referred in subrule (4).

(2) The deposit referred to in subrule (1) is non-refundable.

(3) Subrule (1) is not applicable if the appellant is the Bar Council, any court includes the Industrial Court and a Syariah Court, Judge, Session Court Judge, Magistrate or the Attorney General.

(4) Within three weeks from the date of receipt of the deposit made under subrule (1), the Director shall supply to the appellant the certified copies of the following documents:

- (a) application or complaint made under section 99 of the Act and all documents which support the application or complaint;
- (b) written explanation made under subparagraphs 100(1)(b)(ii) and 103B(4)(b)(i) of the Act;
- (c) record of proceeding before the Disciplinary Committee under section 103B of the Act;
- (d) report that contains findings and recommendations of the Disciplinary Committee under section 103C of the Act; and
- (e) order made by the Disciplinary Board under section 103D of the Act.

(5) No document will be supplied if the appellant did not pay the deposit referred to in subrule (1).”.

Amendment of rule 5

4. Rule 5 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (1)—

- (i) by substituting for the words “subrule 4(3)” the words “subrule 4(4)”; and
- (ii) by substituting for the words “four copies of the appeal record” the words “an affidavit which contains the appeal record”; and

(b) by substituting for subrule (2) the following subrule:

“(2) A copy of the affidavit which contains the appeal record shall be served by personal service, courier or registered post to the respondent, the Director and the Bar Council.”.

Amendment of rule 6

5. Rule 6 of the principal Rules is amended by deleting subrules (3), (4) and (5).

Deletion of rule 7

6. The principal Rules are amended by deleting rule 7.

Amendment of rule 8

7. Rule 8 of the principal Rules is amended—

- (a) in paragraph (a), by substituting for the words “notice of appeal” the words “originating motion”;
- (b) by substituting for paragraph (b) the following paragraph:
 - “(b) the date of the decision of the High Court, Court of Appeal or Federal Court, whichever is applicable; and”; and
- (c) by deleting paragraphs (c), (d) and (e).

Amendment of rule 11

8. Rule 11 of the principal Rules is amended—

- (a) by substituting for the words “subsection 103E(3)” the words “subsection 103E(5)”;
- (b) by substituting for the words “the Rules of the Supreme Court 1980” the words “Court of Judicature Act 1964 [Act 91], the Rules of the Court of Appeal 1994 [P.U. (A) 524/1994] and the Rules of the Federal Court 1995 [P.U. (A) 376/1995]”; and
- (c) in the marginal notes, by deleting the words “P.U. (A) 33/80.”.

Made 30 April 2007
[PN(PU²)314/IX]

TAN SRI DATO’ SERI KHALID AHMAD BIN SULAIMAN
Chairman
Disciplinary Board

P.U. (A) 194.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK MENTAH PETROLEUM)
(No. 11) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Mentah Petroleum) (No. 11) 2007** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 24 Mei 2007 hingga 6 Jun 2007.